**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
## 1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **The Star** | |
| - MPAJ raids 25 premises and seizes goods | 4 |
| **Berita Harian** | |
| - Jadikan Inovasi budaya Organisasi | 22 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)** | |
|---|---|
| Akhbar | The Star |
| Tajuk Berita | MPAJ raids 25 premises and seizes goods |
| Muka Surat | 4 |

# MPAJ raids 25 premises and seizes goods

TS 1/11/19 ms 4

By JAROD LIM
jarodlim@thestar.com.my

AMPANG Jaya Municipal Council (MPAJ) raided 25 premises for defaulting on paying their assessment tax.

It also seized electrical items at those premises to be auctioned off to cover the outstanding amount owed to the council.

MPAJ president Datuk Abdul Hamid Hussain said the owners of the residential units and commercial lots ignored the assessment bills and warrants issued to them.

"The standard operating procedure is to issue them a warrant if they fail to pay their assessment tax.

"If they continue to ignore the notices issued, we will seize their moveable objects.

"To-date, we have auctioned off the objects for RM6,000, but that alone could not cover their arrears," he said, adding that MPAJ had conducted 10 raids this year.

From January to September, 3,598 out of 5,933 assessment bills issued were not settled.

Together with the unpaid warrants, the council had an outstanding amount of more than RM14mil this year.

MPAJ recorded RM44,216,238 in arrears from unpaid assessment tax and warrants since 2017.

Abdul Hamid cautioned defaulters that the council would take legal action against property owners if the outstanding assessment exceeded RM10,000.

"Another problem we face is vacant properties that defaulted on their payment. We could not seize any item from them during the operations.

"We will issue a letter of demand to the property owners," he said in a press conference after the council's full board meeting.

MPAJ will also monitor closely the slope at Kampung Bukit Sungai Puteh following soil erosion on Oct 12 as well as facilitate the construction of the Langat 2 water retention pond.

"We have also sent a notice to the Forestry Department to monitor the slope that is part of the Sungai Puteh forest reserve," he said.

This month, MPAJ received several awards, including the Low Carbon City Award.

MPAJ Building and Architecture Department and Lex Legis group from the Law Department were awarded the International Innovation Award during the Selangor Research, Development and Innovation Expo 2019.




Abdul Hamid says the RM6,000 raised from the auction was not enough to cover arrears.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>1 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)** | |
|---|---|
| Akhbar | Berita Harian |
| Tajuk Berita | Jadikan Inovasi budaya Organisasi |
| Muka Surat | 22 |

# Jadikan inovasi budaya organisasi

BH 1/11/19 ms 22

## Penjawat awam perlu pertingkat kemahiran, ilmu untuk capai kecemerlangan

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@nstp.com.my

**Kota Bharu:** Pembudayaan inovasi dalam organisasi menjadi ciri penting bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan sentiasa berada pada tahap cemerlang.

Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Datuk Nazran Muhammad, berkata setiap penjawat awam juga perlu melengkapkan diri dengan kemahiran, ilmu pengetahuan dan sifat peribadi yang tinggi.

Beliau berkata, inovasi berterusan diperlukan dalam mempelbagaikan dimensi kejayaan ke arah kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri dan negara.

Katanya, usaha ke arah membudayakan inovasi perlu disokong dan dihargai kerana di samping kesibukan menjalankan tugas seharian, pegawai dan kakitangan boleh meluangkan masa untuk mengetengahkan idea inovasi demi memenuhi tuntutan dasar.

"Itulah inti pati terkandung dalam dasar inovasi dan kreativiti yang bermatlamat agar fungsi jabatan dapat dilaksanakan lebih efisien, menjimatkan masa dan kos serta terus sampai ke golongan sasar.

"Kita perlu bersikap terbuka dalam hal berkaitan inovasi dan kreativiti kerana ia bukan sesuatu yang hanya berkaitan dengan hal ehwal teknikal semata-mata.

"Justeru, saya menyeru kepada penjawat awam agar berusaha dalam menghasilkan sesuatu di luar kotak, unik, dinamik serta mempunyai nilai penciptaan," katanya ketika berucap pada Majlis Sambutan Hari Inovasi Sektor Awam Negeri Kelantan di Dewan Teratai, Kota Darulnaim, di sini, semalam.

> ***Saya menyeru kepada penjawat awam agar berusaha menghasilkan sesuatu diluar kotak, unik, dinamik, serta mempunyai nilai penciptaan.***
>
> ***Nazran Muhammad,***
> *Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan*

Pada majlis berkenaan, empat kategori dipertandingkan iaitu Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan, Anugerah Inovasi Pentadbiran Tanah dan Jajahan, Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan dan Anugerah Inovasi Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan dimenangi Jabatan Perhutanan Negeri; Anugerah Inovasi Pentadbiran Tanah dan Jajahan dimenangi Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan, masing-masing untuk tempat ketiga.

Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan dimenangi oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam dan Anugerah Inovasi Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dimenangi Jabatan Kerja Raya Bahagian Pengurusan Korporat Kelantan, masing-masing untuk tempat pertama.




**Nazran (kanan) melihat alat pencuci longkang** *yang dicipta oleh JKR Kelantan selepas merasmikan Majlis Sambutan Hari Inovasi Sektor Awam Kelantan di Kota Bharu, semalam.* (Foto Fathil Asri /BH)